


Khamis, 7 November 2019 | 5:07pm



Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Sibu menahan sebuah kapal bermuatan 100,000 liter minyak diesel yang dipercayai dimiliki tanpa lesen atau permit sah bernilai RM919,000 di perairan Sungai Antu, Batang Igan, Sibu. - Foto Norsyazwani Nasri

## 100,000 liter minyak diesel tanpa permit dirampas

Oleh Norsyazwani Nasri  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**SIBU:** Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 merampas 100,000 liter minyak diesel yang dipercayai dimiliki tanpa permit sah dianggarkan bernilai RM919,000 susulan penahanan sebuah kapal di Sungai Antu, Batang Igan, di sini pagi semalam.

Komander PPM Wilayah 5 Sarawak, Asisten Komisioner Sharneel Kassim, berkata penahanan dilakukan kira-kira jam 11.25 pagi oleh sepasukan pegawai dan anggota PPM Wilayah 5 Sarawak itu dalam operasi khas di kawasan perairan berkenaan.

"Ia membawa penemuan minyak diesel yang disimpan dalam tangki kapal itu. Dua lelaki tempatan yang berada di kapal berkenaan turut ditahan selepas gagal mengemukakan sebarang permit dan surat kebenaran memiliki atau menyimpan bekalan bahan api itu," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Katanya, kedua-dua suspek didapati melakukan kesalahan di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kedua-dua suspek diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Sibu untuk tindakan lanjut," katanya.

